

MoU tingkat kerjasama UMS Yayasan Sabah

KOTA KINABALU: Dua organisasi yang berpengaruh besar dalam mencorakkan masa depan rakyat negeri Sabah - Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) - kelmarin memeterai memorandum persefahaman untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang berkaitan pembangunan negeri ini.

Kedua-dua organisasi turut berkongsi kepakaran dan kemudahan masing-masing dalam menjayakan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sosial, pendidikan, komersial dan sains semulajadi.

Yayasan Sabah dan UMS turut bekerjasama dalam meningkatkan dan mengembangkan bidang kepelbagaian hayat dan pemuliharaan hutan secara mapan serta kerjasama dalam bidang latihan dan pembangunan sumber manusia.

Kerjasama turut merangkumi

aspek pewujudan dan penganugerahan "fellowship" dan geran penyelidikan apabila diperlukan.

Pengarah Yayasan Sabah Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul menandatangani perjanjian itu bagi pihak Yayasan Sabah manakala UMS diwakili Naib Canselor Prof Tan Sri Abu Hassan Othman dan disaksikan Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman.

Datu Khalil dalam ucapannya berkata kerjasama itu, khususnya dalam R&D di bidang perhutanan, mempunyai makna yang besar dalam "menyelamatkan industri kayu-kayan Sabah yang selama ini sangat bergantung kepada bekalan kayu daripada hutan asli."

Katanya UMS juga mempunyai kepakaran R&D dalam bidang perikanan dan perusahaan rumpai laut serta penanaman dan pem-

prosesan herba yang mempunyai potensi besar dan sedang diterokai oleh Yayasan Sabah sebagai usaha komersial yang baru.

Prof Abu Hassan pula berkata kerjasama dengan Yayasan Sabah adalah lanjutan daripada kerjasama yang telah terjalin sejak UMS mula-mula ditubuhkan di negeri ini pada 1994.

"Yayasan Sabah membantu merealisasikan kemasukan 205 pelajar perintis UMS dengan menumpang untuk memulakan pengajian mereka pada Jun 1995 di Kolej Komuniti Yayasan Sabah," katanya.

Musa ketika ditemui pemberita mengalu-alukan kerjasama kedua-dua organisasi itu dan menyifatkannya sebagai kerjasama dua pihak yang masing-masing memiliki kepakaran serta kemudahan yang boleh membawa manfaat kepada rakyat. - Bernama